

**RANCANGAN PERNIAGAAN  
ETR 300**

**POSTCOMS  
(POWER ON SELF TEST COMPUTER SYSTEM)**

**DISEDIAKAN UNTUK:**

**PUAN HAJAH FATIMAH MOHD SAMAN  
PENSYARAH ASAS KEUSAHAWANAN  
ETR 300**

**UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA  
KAMPUS SUNGAI PETANI**

**DISEDIAKAN OLEH:**

**HIRNI BT ABDUL RAHMAN  
MULIATI BT MOHD NOOR  
MOHD SYAFFRI BIN AHMAD  
NORAZALIAN BT YEOP AZIZ  
SITI ZURAIDAH BT AHMAD**

**DIPLOMA PENGURUSAN BANK 05  
25 MAC 2000**



## PUSAT PEMBANGUNAN USAHAWAN MALAYSIA (MEDEC)

Universiti Teknologi MARA

Cawangan Kedah

Peti Surat 187

08400 Merbok

Kedah Darul Aman

Tel: 04-457 1300

Fax: 04-457 4355

Surat Kami : 500-KDH(MEDC. 15/2/1)  
Tarikh : 4/1/2000

### KEPADА SESIAPA YANG BERKENAAN

Tuan/Puan

### ASAS KEUSAHAWANAN (ETR)

Adalah dengan segala hormatnya dimaklumkan bahawa penama-penama yang dinyatakan di bawah ini adalah pelajar-pelajar UiTM Cawangan Kedah yang sedang mengikuti subjek Asas Keusahawanan yang dikendalikan oleh Pusat Pembangunan Usahawan Malaysia (MEDEC), UiTM Cawangan Kedah pada semester ini.

Salah satu daripada syarat di dalam subjek tersebut ialah pelajar-pelajar dimestikan untuk menyediakan satu Rancangan Perniagaan (RP) yang lengkap mengenai projek yang mereka pilih sendiri.

Pelajar-pelajar berkenaan ialah:

1. MULIATI MOHD NOOR (97384390)
2. NORAZALIAN YEOP AZIZ (97359632)
3. SITI ZURAIYAH AHMAD
4. HIRNI A. RAHMAN
5. MOHD. SYAFFRI AHMAD

Pihak kami amat berbesar hati sekiranya pihak tuan/puan dapat memberi kerjasama yang sewajarnya kepada penama berkenaan.

Sekian, terima kasih

Yang benar

**MOHD AZHAR OSMAN**

Koordinator

b/p. Provos

MOHD AZHAR B

Koordinator

Pusat Pembangunan Usahawan  
Universiti Teknologi MARA  
Kampus Merbok  
Kedah Darul Aman

## ISI KANDUNGAN

1. PENGENALAN	/
2. TUJUAN 'RP'	9
3. LOGO	15
4. LATAR BELAKANG SYARIKAT	18
5. LATAR BELAKANG AHLI KONGSI	21
6. LOKASI TAPAK PROJEK	28
7. RANCANGAN PENTADBIRAN	33
8. RANCANGAN PEMASARAN	59
9. RANCANGAN OPERASI	89
10. RANCANGAN KEWANGAN	111
11. RUMUSAN	135
12. LAMPIRAN	139

## **PENGENALAN PERNIAGAAN**

Komputer merupakan suatu keperluan dan bukan lagi ‘barang mewah’ yang hanya mampu dimiliki oleh segelintir golongan masyarakat di abad 21 ini. Setiap organisasi sama ada pihak kerajaan mahupun swasta menggunakan komputer di dalam semua operasi pentadbiran, pengurusan, pengeluaran dan sebagainya. Sememangnya penggunaan komputer akan menjadikan kerja lebih mudah di mana ia dapat menjimatkan masa, tenaga serta kos.

Namun begitu, penggunaan komputer amat memerlukan kepakaran serta penjagaan yang begitu teliti kerana ia telah diprogramkan dengan sistematik. Seringkali juga pengguna komputer berhadapan dengan pelbagai jenis masalah seperti serangan virus, program tergendala dan sebagainya yang semestinya menyukarkan mereka. Bukan semua pengguna komputer tahu serta mahir mengatasi masalah-masalah sebegini. Oleh yang demikian, kami menawarkan khidmat baik pulih komputer dan bersedia membaiki apa jua jenis kerosakan komputer dengan hanya satu panggilan telefon.

Khidmat yang ditawarkan bukan sahaja tertumpu kepada kerosakan berkenaan komputer tetapi juga khidmat memprogramkan sistem komputer, membina halaman web, memasang modem dan internet serta memasang

komputer peribadi sama ada ianya milik persendirian mahupun organisasi di pejabat.

Di samping itu juga pelbagai jenis insentif akan dapat diperolehi oleh pelanggan-pelanggan tetap seperti inspeksi dan diagnostik komputer secara percuma, 24 jam khidmat baik pulih, perkhidmatan yang dijamin, diskaun atas perkhidmatan dan pelbagai insentif yang lain. POSTCOMS juga menawarkan khidmat nasihat penjagaan komputer peribadi dan ia dikendalikan oleh pakar baik pulih komputer yang mempunyai kelayakan serta pengalaman yang telah dilatih khas. Tidak seperti pusat baik pulih komputer yang biasa, di POSTCOMS pelanggan tidak perlu bersusah payah menghantar pemacu atau komputer peribadi ke premis kami, sebaliknya pekerja kami bersedia untuk menemui anda.

POSTCOMS juga menjual pelbagai jenis komputer peribadi serta aksesori lain yang terkini di pasaran. Pada masa akan datang, kami berhasrat untuk meluaskan lagi perniagaan ini dengan membuka pusat latihan komputer serta kafe siber memandangkan bidang ini amat menguntungkan selari dengan kecanggihan teknologi maklumat dan penggunaan komputer yang semakin berkembang pesat di negara ini.